

PERSEDIAAN PELAJAR TAMUN AKHIR DIPLOMA AKAUNTASI
SEBELUM MEMASUKI ALAM PENERJAAN BERDASARKAN
KRITERIA YANG DIKEMENDAKI OLEH MAJLIS

SANUZEE BINTI SHAFIE

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUi TTHO



3 0000 00071092 5

PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik Dan Vokasional).”

TANDATANGAN :
NAMA PENYELIA : **PUAN HAJAH SAREBAH BINTI WARMAN**
TARIKH : **30 SEPTEMBER 2003**

SAREBAH WARMAN
Pensyarah
Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

**PERSEDIAAN PELAJAR TAHUN AKHIR DIPLOMA AKAUNTASI SEBELUM
MEMASUKI ALAM PEKERJAAN BERDASARKAN KRITERIA YANG
DIKEHENDAKI OLEH MAJIKAN**

SANUZEE BINTI SHAFIE

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

September, 2003

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama Penulis : **SANUZEE BINTI SHAFIE**
Tarikh : **30 SEPTEMBER 2003**

TERISTIMEWA KEPADA

*Keluarga tercinta,
mak dan abah
Pn. Gimah Sirat & En. Shafie Kadir,*

*adik-adik,
Mohd Safezee Shafie
Sayazee Yani Shafie
Mohd Safar Ezee Shafie
Mohd Sahrol Ezemee Shafie
Saliza Aizee Shafie*

*dan insan teristimewa Usu
Salelah Sirat*

*Segala curahan kasih sayang, sokongan serta pengorbanan sungguh berharga bagi
diriku. Hanya Allah mampu membalasnya.*

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi juga selawat dan salam ke atas Junjungan Besar, Nabi Muhammad S.A.W kerana atas limpah kurniaan Nya dan rahmat-Nya dapat saya menyiapkan projek Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional ini dengan jayanya.

Penghargaan yang ikhlas dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah pembimbing Projek Sarjana iaitu Pn. Sarebah Warman di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, galakan serta teguran membina di sepanjang projek ini dijalankan. Tidak dilupakan juga kepada panel pemeriksa Dr. Maizam Alias dan Tuan Haji Talib bin Bon.

Ribuan terima kasih juga buat semua responden yang terlibat di dalam kajian ini. Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan mereka yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak langsung.

Buat semua rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi galakan, sokongan, bantuan serta dorongan, semoga segala usaha bakti yang telah dicurahkan akan diberkati dan dirahmati Allah S.W.T. Akhir kata, semoga projek ini dapat memberi manfaat dan sumbangan kepada semua pihak dan generasi yang akan datang. Insya Allah.

Terima kasih dan Wassalam.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap persediaan kerjaya pelajar tahun akhir Diploma Akauntasi Politeknik sebelum menceburi diri di alam pekerjaan. Sampel kajian adalah terdiri daripada 127 orang pelajar tahun akhir di tiga buah Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Instrumen kajian ini adalah menggunakan soal selidik. Bagi tujuan menganalisis data, perisian Statistical Package For Sciences (SPSS) Versi 11.0 telah digunakan dan data-data dianalisis untuk mendapatkan min. Dapatan kajian menunjukkan pelajar tahun akhir Diploma Akauntasi di tiga buah politeknik yang dipilih telah mempunyai tahap persediaan yang baik untuk memasuki alam pekerjaan dari aspek kemahiran diperlukan, pengetahuan dan personaliti. Walaubagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan pelajar tahun akhir iaitu dari segi penguasaan Bahasa Inggeris, penyediaan penyata penyesuaian bank dan pengetahuan mengenai kerjaya perakaunan. Cadangan produk oleh pengkaji adalah borang senarai semak yang mana bagi memberitahu kepada pelajar kriteria yang diperlukan oleh majikan dan seterusnya pelajar boleh membuat penilaian diri terhadap persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan.

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the career preparation before entering the working environment based on criteria that needed by employer. The sample of this research consisted of 127 final years students of Diploma Accountancy in 3 Polytechnic. Questionnaires have been chosen as an instrument to get the data. The data was analyzed by using the Statistical Package For Social Sciences (SPSS) to derive the percentages and mean. The finding shows that the final year students of Diploma in Accountancy having high preparation before entering workplace such as skills, knowledge and personality. Nevertheless, there are some weaknesses that still appear such as lack communication in English, preparing bank adjusted statement and information career opportunity. Hopefully, the suggestion product, "Check List" can help the student to enhance their knowledge about the criteria that needed by employer.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	4
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Kerangka Teori	6
	1.7 Kepentingan Kajian	7
	1.8 Skop / Batasan	8
	1.9 Definisi Istilah dan Operasional	10

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB II	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pendahuluan	13
2.2	Graduan Lepas IPT Sebagai Pencari Kerja	14
2.3	Kriteria Pemilihan Pekerja Oleh Majikan	16
2.4	Kemahiran Yang Diperlukan Di Dalam Alam Pekerja	18
2.4.1	Kemahiran Berbahasa Inggeris	18
2.4.2	Kemahiran Perisian Komputer	19
2.4.3	Kemahiran Berinteraksi Dalam Kumpulan	21
2.5	Pengetahuan	22
2.5.1	Pengetahuan Asas Dalam Bidang Perakaunan	23
2.5.2	Pengetahuan Kerjaya dalam Bidang Perakaunan	24
2.6	Personaliti	26
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	28
3.2	Rekabentuk Kajian	29
3.3	Responden	30
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	30
3.5	Instrumen Kajian	31
3.6	Kajian Rintis	34
3.7	Kaedah Analisis Data	35
3.8	Skop / Batasan kajian	37
3.9	Andaian	37

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB IV	ANALISIS DATA	
4.1	Pendahuluan	39
4.2	Dapatan Kajian	40
4.3	Analisis Bahagian A	41
4.3.1	Jantina	41
4.3.2	Keturunan / Bangsa	42
4.3.3	Pengalaman Bekerja	42
4.3.4	Tempoh Pengalaman Bekerja	43
4.4	Analisis Bahagian B	44
4.4.1.	Persediaan Pelajar dari Kriteria Kemahiran Yang Diperlukan	44
4.3.4.1	Kemahiran Berbahasa Inggeris	45
4.3.4.2	Kemahiran Perisian Komputer	46
4.3.4.3	Kemahiran Berinteraksi Dalam Kumpulan	48
4.4.2.	Persediaan Pelajar Dari Kriteria Pengetahuan	50
4.4.2.1	Pengetahuan Asas Dalam Bidang Perakaunan	50
4.4.2.2	Pengetahuan Kerjaya Dalam Bidang Perakaunan	52
4.4.3.	Persediaan Pelajar Dari Kriteria Personaliti	54
4.4.4.	Persediaan Pelajar Secara Menyeluruh	56

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	58
5.2	Perbincangan	59
5.2.1	Persediaan Pelajar Dari Aspek Kemahiran Yang Diperlukan	59
5.2.1.1	Kemahiran Berbahasa Inggeris	60
5.2.1.2	Kemahiran Perisian Komputer	61
5.2.1.3	Kemahiran Berinteraksi Dalam Kumpulan	63
5.2.2	Persediaan Pelajar Dari Aspek Pengetahuan	64
5.2.2.1	Pengetahuan Asas Dalam Bidang Perakaunan	64
5.2.2.2	Pengetahuan Kerjaya Dalam Bidang Perakaunan	66
5.2.3	Persediaan Pelajar Dari Aspek Personaliti	67
5.3	Kesimpulan	68
5.4	Cadangan	69
5.4.1	Cadangan Terhadap Dapatan Kajian	69
5.4.2	Cadangan Terhadap Kajian Lanjutan	72
5.4.3	Cadangan Produk	73

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB VI	REKA BENTUK PRODUK	
6.1	Pendahuluan	74
6.2	Latar Belakang Produk	75
6.3	Objektif Penghasilan Senarai Semak	75
6.4	Rekabentuk Produk	76
6.4.1	Bentuk dan Ciri Produk	76
6.4.2	Kronologi Pembinaan Produk	77
6.4.3	Permasalahan Dalam Pembinaan Produk	79
6.4.4	Bahan, Kos dan Masa Membina Produk	80
6.4.5	Dokumentasi Produk	81
6.5	Penilaian Produk	81
	RUJUKAN	82
	LAMPIRAN	87

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert	33
3.2	Jadual Tafsiran Min dan Tahap Persediaan Pelajar Tahun Akhir Diploma Akauntansi Politeknik	36
4.1	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	41
4.2	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	42
4.3	Bilangan Responden Berdasarkan Pengalaman Bekerja.	43
4.4	Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Tempoh Pengalaman Bekerja	43
4.5	Jadual Tafsiran Min dan Tahap Persediaan Pelajar Tahun Akhir Diploma Akauntansi Politeknik	44
4.6	Skor Min Bagi Kemahiran Berbahasa Inggeris	45
4.7	Skor Min Bagi Kemahiran Menggunakan Perisian Komputer	47
4.8	Skor Min Bagi Kemahiran Berinteraksi dalam Kumpulan	49
4.9	Min Bagi Kemahiran Yang Diperlukan Dalam Pekerjaan	49
4.10	Skor Min Bagi Pengetahuan Dalam Bidang Perakaunan	51
4.11	Skor Min Bagi Pengetahuan Kerjaya di dalam Bidang Perakaunan	53
4.12	Skor Min Bagi Aspek Pengetahuan	54
4.13	Skor Min Bagi Personaliti	55

4.14	Tahap Persediaan Pelajar Tahun Akhir Diploma Akauntasi Sebelum Memasuki Alam Kerjaya Secara Menyeluruh.	56
------	---	----

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Persediaan Pelajar Tahun Akhir Diploma Akauntasi Politeknik Sebelum Memasuki Alam Pekerjaan	6
6.1	Kronologi Pembinaan Senarai Semak Persediaan Pelajar Tahun Akhir Sebelum Memasuki Alam Pekerjaan.	78

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Jadual Penetapan Saiz Sampel	87
B	Borang Soal Selidik	88
C	Output Kajian Rintis (Alpha Cronbach)	96
D	Analisis Min Setiap Pernyataan	99
E	Senarai Semak Persediaan Pelajar Tahun Akhir	103

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pekerjaan adalah merupakan satu aspek yang penting di dalam kehidupan di dalam dunia yang serba mencabar ini. Setiap orang ingin bekerja mengikut tujuan masing-masing seperti minat, mencari kepuasan diri, memperoleh sumber kewangan, sumber sokongan sosial, membina identiti dan harga diri dan seterusnya memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara (Mohd. Yahya & Roseliza Murni, 2002)

Negara kita yang semakin pesat membangun amat memerlukan sumber manusia yang dapat digunakan dalam pelbagai sektor termasuk perkhidmatan, perindustrian, perusahaan, pengangkutan, komunikasi, teknologi maklumat, pembuatan, dan pertanian sama ada di sektor awam atau swasta. Ini bersesuaian dengan tujuan utama Dasar Pendidikan Kebangsaan iaitu untuk menampung keperluan sumber manusia negara pada masa ini dan masa hadapan. Selaras dengan hasrat negara untuk mencapai tahap negara perindustrian apa yang penting adalah rakyat diberikan pendidikan seiring dengan

keperluan pekerjaan. Oleh yang demikian, kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Teknik dan Vokasional merupakan agensi utama yang berperanan untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang mahir dan dapat memenuhi pasaran buruh pada masa akan datang terutama menjelang tahun 2020. Oleh itu bagi merealisasikan hasrat ini, penubuhan politeknik adalah merupakan salah satu langkah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran tinggi dan mempunyai pemikiran yang kreatif dan kritis serta mampu bersaing dalam apa jua bidang yang diceburi.

Namun persoalannya, adakah graduan-graduan yang dikeluarkan dapat memenuhi kehendak industri terutamanya di bidang perakaunan. Perubahan pesat di dalam bidang teknologi, sosio ekonomi, serta politik dunia telah merubah bentuk dan tahap kemahiran yang diperlukan oleh organisasi pekerjaan. Ini sekaligus telah memaksa majikan memilih pekerja yang benar-benar dapat memenuhi kehendak organisasi.

1.2 Latar belakang masalah

Menjelang tahun 2020 tenaga kerja Malaysia dianggarkan meningkat kepada 15.3 juta berbanding 7 juta yang ada sekarang (Hasyim Fauzy, 2000). Pertambahan dari segi bilangan ini sahaja tidak mencukupi untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Namun yang lebih penting ialah peningkatan produktiviti pekerja. Sekaligus tenaga mahir dalam bidang iktisad dan teknik, pentadbiran dan pengurusan akan diberikan perhatian dari segi kualiti dan kuantiti.

Menurut Abdul Rahim (2000), perancangan bagi membangunkan sumber tenaga manusia telah diberi satu penekanan penting untuk membangunkan negara ke satu alaf baru pembangunan ekonomi dan sosial. Pendidikan, latihan dan pembangunan tenaga manusia mempercepatkan perubahan sosial, meningkatkan produktiviti, membentuk warganegara yang produktif yang menjadi penggerak kepada pembangunan sains dan teknologi dan kegiatan ekonomi moden. Menurut Hasyim Fauzy (2000), pula keperluan masa depan pembangunan sumber tenaga negara juga bukan sahaja tertumpu kepada usaha meningkatkan kemahiran, tetapi juga untuk melahirkan mereka yang tekun dan berdisiplin supaya dapat menggerakkan aktiviti ekonomi negara secara efisien.

Sehubungan dengan itu, setiap pelajar yang mengikuti kursus di peringkat institusi pengajian tinggi, seharusnya mempunyai keupayaan dan persediaan untuk menyesuaikan diri dalam kerjaya yang bakal diceburi. Tanggapan segolongan pelajar, di mana mereka masih lagi menganggap kelulusan akademik yang boleh diukur dengan adanya segulung sijil, diploma ataupun ijazah merupakan aset penting untuk memperolehi pekerjaan adalah perlu dielakkan (Zaidatol Akmaliah, 1993). Ini kerana majikan sebenarnya memerlukan pelajar berkebolehan dalam pekerjaan yang bakal diceburi, mempunyai sikap yang baik dan mempunyai keseimbangan dalam latihan praktikal dan pendidikan (Zaidatol Akmaliah, 1993). Ini disokong pula oleh Gwennis Mc. Neir dalam Norliza (2000), dengan mengatakan para majikan pada masa kini juga memerlukan bakal pekerja yang mempunyai kemahiran seperti mampu menyelesaikan masalah, boleh berkomunikasi dengan baik, berfikiran bebas dan mempunyai kemampuan untuk mengaplikasikan pengetahuan kepada amali. Ini menunjukkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan kehendak kerjaya ini sangat bergantung kepada pendedahan awal yang diterima semasa di peringkat pengajian mereka lagi.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada masa kini dan akan datang, terdapat pelbagai jenis pekerjaan dan profesion yang boleh dilakukan oleh manusia. Ini bersesuaian dengan fungsi sosial sekolah iaitu menempatkan pelajar dalam sesuatu peranan pekerjaan (Abd. Rahman, 2000). Justeru, pelbagai jenis dan corak pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah dan universiti perlu diwujudkan untuk melengkapkan peluang ini.

Berdasarkan kenyataan di atas persediaan sebelum memasuki ke alam pekerjaan yang sebenar adalah penting untuk menempatkan para graduan untuk menghadapi cabaran kerjaya pada masa akan datang. Oleh yang demikian, berdasarkan latar belakang masalah yang diberikan, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengkaji adakah pelajar-pelajar tahun akhir Diploma Akauntasi Politeknik telah membuat persediaan yang cukup sebelum memasuki alam pekerjaan berdasarkan kriteria pemilihan kerja oleh majikan.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dibuat bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan berikut :

- a. Sejauh manakah persediaan pelajar tahun akhir Diploma Akauntasi terhadap kriteria pekerja yang dikehendaki oleh majikan iaitu dari segi aspek kemahiran?


- b. Sejauh manakah persediaan pelajar tahun akhir Diploma Akauntasi terhadap kriteria pekerja yang dikehendaki oleh majikan iaitu dari segi aspek pengetahuan?
- c. Sejauh manakah persediaan pelajar tahun akhir Diploma Akauntasi terhadap kriteria pekerja yang dikehendaki oleh majikan iaitu dari segi aspek personaliti?

1.5 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk:

- i. Mengenalpasti tahap persediaan pelajar tahun akhir Diploma Akauntasi terhadap kriteria pekerja yang dikehendaki oleh majikan dari aspek kemahiran.
- ii. Mengenalpasti tahap persediaan pelajar tahun akhir Diploma Akauntasi terhadap kriteria pekerja yang dikehendaki oleh majikan dari aspek pengetahuan.
- iii. Mengenalpasti tahap persediaan pelajar tahun akhir Diploma Akauntasi terhadap kriteria pekerja yang dikehendaki oleh majikan dari aspek personaliti.

1.6 Kerangka Teori Kajian



Rajah 1.1: Kerangka Teori Persediaan Pelajar Tahun Akhir Diploma Akauntansi Politeknik Sebelum Memasuki Alam Pekerjaan.